



SIARAN MEDIA

PROGRAM UKHUWAH MADANI PERKASA MAHASISWA INTELEKTUAL, KRITIS DAN PROGRESIF

SEGAMAT, 30 Oktober 2025 – Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menganjurkan Program Ukhuwah MADANI – Gerakan Mahasiswa Moden: Intelktual, Kritis & Progresif yang berlangsung di UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat.

Program ini merupakan inisiatif strategik J-KOM dan UiTM bagi memperkukuh peranan mahasiswa sebagai pemangkin perpaduan, kesejahteraan sosial serta kelestarian negara, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Menerusi Gerakan Mahasiswa Moden: Intelktual, Kritis & Progresif, program ini menjadi platform pendidikan tidak formal yang memberi peluang kepada lebih 400 orang mahasiswa daripada pelbagai fakulti serta institusi pengajian tinggi awam dan swasta di sekitar Johor untuk mendalami isu kenegaraan, memupuk nilai patriotisme, dan memperkukuh semangat perpaduan nasional.

Pelbagai aktiviti menarik dan berinformasi telah dijalankan sepanjang program, antaranya:

- Bual Bicara dan Kahoot Kenegaraan
- Forum “Minda Mahasiswa Masa Depan”
 - Panel berpengalaman — Prof. Madya Dr. Suhaimee Saahar@Saabar, Pengarah Pusat Pengajian Perang Saraf Media dan Informasi UiTM Shah Alam; Encik Muhamad Farkhan bin Hj Mohd Haron, Ikon Belia; dan Encik Muhammad Irfan Arif bin Mohamed Ridzuan, Alumni UiTM Cawangan Johor merangkap Mantan YDP MPP.

- Sesi Pesan Tok Abah: “Pemikiran Kritis dalam Konteks Kenegaraan dan MADANI” oleh YBhg. Dato’ Ismail bin Yusop, Ketua Pengarah J-KOM yang menekankan kepentingan pemikiran kritis dalam kalangan mahasiswa serta menyemai semangat taat setia, jati diri, dan kecintaan terhadap tanah air.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Zahari bin Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor. Turut hadir ialah Tuan Haji Mohd Ezzuddin bin Sanusi, Pegawai Daerah Segamat; Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor; serta ketua-ketua jabatan dan agensi daerah Segamat.

Program ini adalah sebahagian daripada inisiatif kerajaan untuk memperkasa mahasiswa sebagai generasi peneraju Malaysia MADANI — berfikir secara kritis, berjiwa patriotik, dan berperanan aktif dalam memupuk perpaduan. J-KOM berharap agar program seumpama ini dapat diperluaskan ke lebih banyak institusi pengajian tinggi di seluruh negara sebagai platform pendidikan berterusan untuk melahirkan mahasiswa intelektual, progresif dan berjati diri nasional.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM)